



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Sheik, Hidayat pulang dengan dua emas

Berita Harian, 22 December 1994, Page 10

Article also available on Microfilm Reel NL19782

Printer-Friendly Page

Sheik, Hidayat pulang dengan dua emas

KEJOHANAN SILAT DUNIA | Oleh

SHEIK Alaudin Yaacob dan Mohamed Hidayat Hosni, berjaya membawa pulang dua pingat emas dari Kejohanan Silat Dunia yang berakhir di Haadyai, Thailand pada hujung minggu lalu.

Ini merupakan kejayaan Sheik, 27 tahun, yang kedua dalam masa lima tahun di kejohanan tersebut.

Kali pertama Sheik memenangi pingat emas ialah di Kejohanan Dunia Austria 1990, dalam kelas I (berat 80-85 kg). Tetapi kini beliau tampil dalam Kelas Bebas, yang dikhaskan untuk pesilat mempunyai berat badan 90 kg ke atas.

Pemenang pingat emas Sukan SEA 1993 itu berjaya mengatasi pesilat Malaysia, Muasin Musa, dalam pertandingan akhir.

“Saya bersyukur kerana masih berupaya membantu negara memenangi satu pingat emas di kejohanan itu,” jelas pesilat yang mempunyai berat badan 100 kg itu.


Rakannya, Hidayat juga mengalahkan pesilat Malaysia, Sabaruddin Che Ani, bagi Kelas C — berat 50-55 kg.

Selain daripada dua pingat emas, pasukan Singapura juga berjaya memungut 12 gangsa.

Para pemenang pingat gangsa dari bahagian olahraga terdiri daripada Mohd Falak Hosni, Abdul Kadir Ibrahim, Azlan Hassan, Kartina Ahmad, Badriah Hosni, Rafeah Rashid dan Siti Fairuza Zainuddin.

Pesilat seni bela diri yang memenangi gangsa pula ialah Jumali Badrin (solo tanpa senjata), Norazmi Makmor dan Mohd Noor Mohd (regu tanpa senjata); Masriani dan Salimah Akbar Rani (regu tanpa senjata); Noor Huzaimi Hussain dan Noor Hisham Menari (regu bersenjata); Masriani Akbar Rani dan Cut Melor Zarimin (regu bersenjata).

MOHD SANI ALI



Sheik: Pingat emas kedua di kejohanan tersebut dalam masa lima tahun.